

Pemaju ambil tanggungjawab

Baik pulih tebing, dalamkan Sungai Pusu elak banjir dan hakisan

IZWAN ROZLIN

GOMBAK — Pemaju Perumahan Hartanah Rizab Melayu Masgenuine-I Berhad kini sedang melakukan kerja baik pulih tebing Sungai Pusu yang terhakis berikutan hujan lebat yang berlaku kebelakangan ini.

Pengurus projeknya, Rosianiza Rosly berkata, sangkar batu sepanjang 200 meter di kiri dan kanan sungai kini sudah 70 peratus dilaksanakan dan ia dijangka siap sepenuhnya seminggu lagi.

Menurutnya, sangkar batu itu diwujudkan bagi mengelak limpahan air sungai dari memasuki kawasan rumah penduduk yang terletak di kawasan berhampiran.

"Masalah ini sebenarnya

sudah lama berlaku dan kita akan cuba mengusahakan beberapa peringkat pemuliharaan tebing sungai di kawasan ini untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui, semalam.

Rosianiza berkata, Masgenuine mengakui masalah hakisan turut berpunca daripada projek perumahan yang sedang diusahakan pihaknya di atas bukit berhampiran sungai tersebut, namun menafikan ia menjadi punca keseluruhan kepada ancaman itu seperti yang dilaporkan sebuah akbar (bukan Sinar Harian) baru-baru ini.

"Kita juga bertanggungjawab untuk menanam semula pokok di kawasan lereng bukit selepas projek perumahan ini siap di-



ROSIANIZA

bina nanti dan untuk jangka waktu pendek pemantauan khususnya oleh pihaknya akan dilakukan," katanya.

Selain itu, pihaknya juga akan terlibat secara langsung dalam kerja-kerja mendalamkan sungai di situ.

"Sebagai salah satu tanggungjawab sosial syarikat kita juga sudah memberikan se-



Sangkar batu turut diletakkan bersebelahan rumah penduduk bagi mengelak limpahan air sungai.

dikit sumbangan bagi meringankan beban mangsa banjir di Kampung Sungai Pusu

malah kita turut mengeluarkan sebahagian besar perbelanjaan untuk mencantas dahan

pokok besar di kawasan perumahan Villa Bestari yang terletak berhampiran.